

03 MAY 2003

Mahathir-Kunjung (Bergambar)

PERDANA MENTERI KUNJUNGI BALU PENGAWAL PERIBADINYA

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hari ini mengunjungi balu Allahyarham Kpl Yusof Ibrahim, pengawal peribadi kepada Perdana Menteri yang meninggal dunia minggu lepas.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang mengunjungi balu Allahyarham, Rusni Mohamad di rumahnya di Taman Seri Serdang dekat sini pagi ini, meluangkan masa kira-kira setengah jam bersama Rusni dan keluarganya.

Yang turut berada di rumah itu ialah sanak saudara Allahyarham dan jiran-jirannya.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah pulang ke tanah air dari London petang semalam setelah bercuti selama dua bulan di luar negara sejak awal Mac lepas.

Perdana Menteri yang masih bercuti akan memulakan tugasnya Isnin ini.

Allahyarham Kpl Yusof, 54, meninggal dunia pada kira-kira pukul 9.30 malam 24 April lepas kerana penyakit lelah.

Allahyarham mengalami sesak nafas ketika berada di rumahnya di Taman Seri Serdang dan meninggal dunia semasa dikejarkan ke Hospital Putrajaya.

Kpl Yusof, yang meninggalkan seorang isteri dan sembilan orang anak, ialah antara pengawal peribadi yang paling lama bertugas dengan Dr Mahathir iaitu sejak beliau dilantik Timbalan Perdana Menteri pada 1976.

Pada sebelah tengah hari pula, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah meluangkan masa menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan kepada seorang kakitangan di Pejabat Perdana Menteri di rumah mereka di Taman Maluri, Cheras di sini.

Perdana Menteri dan isteri turut merenjis air mawar kepada pasangan pengantin Farah Hayati Muhammad, 23, dan Affendy Yahaya, 28 serta mengiringi pasangan pengantin itu pada acara makan beradap.

Farah Hayati ialah anak perempuan kepada Laila Jaafar, setiausaha peribadi kepada Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri.

-- BERNAMA

KHY KHY ROS